

Haji Abdullah Al-Qari Haji Salleh (AQHAS) dan Sumbangannya dalam Bidang Penterjemahan di Malaysia

Haji Abdullah Al-Qari Haji Salleh (AQHAS) and His Contributions to the Field of Translation in Malaysia

JURIAH MOHD AMIN

ABSTRAK

Haji Abdullah al-Qari Haji Salleh (AQHAS) merupakan tokoh ilmuwan Islam yang prolifik dan telah menghasilkan lebih 350 karya bercetak dalam pelbagai bidang keislaman. Namun, sumbangannya dalam bidang penterjemahan masih kurang diketengahkan dalam wacana akademik. Kajian ini dijalankan bagi meneliti peranan dan sumbangan beliau dalam memperkayakan khazanah ilmu Islam di Malaysia melalui penterjemahan karya-karya Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan analisis dokumen serta temubual separa berstruktur bersama tokoh yang dikaji. Data diperoleh daripada sumber primer seperti temubual langsung dengan Haji Abdullah al-Qari serta sumber sekunder meliputi buku, artikel dan tesis berkaitan. Dapatan menunjukkan bahawa AQHAS telah menterjemahkan sebanyak 157 karya Islam dalam sembilan bidang utama seperti aqidah, ibadah, tasawuf dan sejarah, melibatkan karya asal 36 ilmuwan Islam. Beliau turut menghasilkan terjemahan yang mudah difahami oleh masyarakat umum serta disertakan dengan huraian kontekstual, menjadikannya sebagai medium dakwah yang efektif. Sumbangan AQHAS bukan sahaja memperkukuhkan kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam tetapi turut memberi inspirasi kepada generasi baharu dalam bidang penterjemahan. Kajian ini menyerlahkan kepentingan penterjemahan sebagai alat penyebaran ilmu dan menyeru kepada pengiktirafan tokoh penterjemah dalam landskap akademik Malaysia

Kata kunci: Abdullah Al-Qari, AQHAS, penterjemahan Islam, tokoh dakwah, ilmu keislaman

ABSTRACT

Haji Abdullah al-Qari Haji Salleh (AQHAS) is a prolific Islamic scholar who has produced over 350 published works in various fields of Islamic knowledge. However, his contributions in the field of translation have received limited attention in academic discourse. This study was conducted to examine his role and contributions in enriching the Islamic intellectual heritage in Malaysia through the translation of Arabic works into the Malay language. The study adopts a descriptive qualitative approach involving document analysis and semi-structured interviews with the subject himself. Data were obtained from primary sources such as direct interviews with Haji Abdullah al-Qari, as well as secondary sources including books, articles, and relevant theses. The findings reveal that AQHAS has translated a total of 157 Islamic works across nine major fields such as theology ('aqidah), worship ('ibadah), Sufism (taṣawwuf), and history, encompassing original texts by 36 Islamic scholars. He also produced translations that are easily understood by the general public and accompanied them with contextual explanations, making them an effective medium of da'wah. AQHAS's contributions have not only strengthened public understanding of Islamic teachings but have also inspired a new generation of translators. This study highlights the importance of translation as a tool for the dissemination of knowledge and calls for greater recognition of translation scholars in Malaysia's academic landscape.

Keywords: *Abdullah al-Qari, AQHAS, Islamic translation, da'wah figure, Islamic knowledge*

Diterima: 14 Januari 2025
Diterima akhir: 14 Jun 2025

Disemak semula: 19 Mac 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

PENDAHULUAN

Aktiviti penterjemahan merupakan salah satu aspek penting dalam sejarah perkembangan tamadun Islam, khususnya dalam usaha penyebaran ilmu ke pelbagai lapisan masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab. Dalam konteks Alam Melayu, penterjemahan memainkan peranan penting dalam proses Islamisasi masyarakat Melayu sejak abad ke-16, apabila ulama tempatan menterjemahkan karya-karya agama Arab ke dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi. Kitab-kitab ini dikenali sebagai *kitab Jawi* dan menjadi sumber rujukan utama dalam memahami asas-asas Islam seperti aqidah, ibadah, akhlak, dan muamalah (Ratna Roshida & Aiza Maslan, 2009). Tradisi penterjemahan ini bukan sahaja memudahkan akses kepada ilmu tetapi turut menyemai budaya keilmuan dan semangat cintakan agama dalam kalangan masyarakat Melayu.

Antara tokoh yang meneruskan tradisi keilmuan ini dalam konteks moden ialah Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh atau lebih dikenali dengan nama penanya AQHAS. Beliau merupakan tokoh agama yang prolifik, dikenali dengan sumbangannya dalam bidang penulisan dan penterjemahan karya-karya Islam dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Melalui pendekatan bahasa yang jelas dan penyampaian yang bersifat mendidik, karya-karya terjemahannya menjadi rujukan meluas dalam kalangan pelajar institusi pondok, sekolah agama, serta masyarakat umum. Meskipun beliau bukan lulusan formal dalam pengajian bahasa Arab, komitmen dan keupayaannya menguasai nahu, saraf dan balaghah menjadikan beliau sebagai salah seorang penterjemah tersohor di Malaysia.

Namun, sumbangan beliau dalam bidang penterjemahan masih kurang diberikan perhatian dalam wacana akademik arus perdana. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti sumbangan Haji Abdullah al-Qari dalam bidang penterjemahan karya Islam di Malaysia, khususnya dalam aspek pemindahan ilmu dan penyebaran dakwah kepada masyarakat. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti pendekatan, kaedah dan strategi yang digunakan oleh beliau dalam menghasilkan karya-karya terjemahan yang bermutu tinggi.

LATARBELAKANG HAJI ABDULLAH AL-QARI BIN HAJI SALLEH

Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh merupakan seorang agamawan dan karyawan tersohor di negeri Kelantan. Beliau dilahirkan pada 26 Disember 1937 bersamaan 23 Syawal 1356H di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan dan berasal daripada susur galur keluarga ilmuwan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan ulama tersohor Nusantara, Tok Kenali. Nama beliau diberikan oleh Tuan Guru Haji Muhammad Jambang (Mat Jebeng), anak saudara kepada Tok Kenali, yang merupakan tenaga pengajar di Pondok Lorong Kubur Tok Kenali. Gelaran “al-Qari” yang disandangnya membawa makna “pembaca al-Quran”, mencerminkan kecenderungan awal beliau terhadap bidang ilmu al-Quran.

Bapa beliau, Haji Salleh, adalah seorang guru al-Quran yang berkhidmat di Pondok Kenali, setelah menuntut ilmu dengan Tuan Guru Haji Mohammad Amin dan Haji Muhammad Jambang sejak awal 1920-an. Ibunya, Khadijah binti Abdullah, juga merupakan seorang guru al-Quran yang berperanan besar dalam pendidikan awal beliau dan adik-beradiknya. Haji Abdullah merupakan anak sulung daripada enam orang adik-beradik (seorang perempuan dan lima lelaki), dan dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang menjunjung tinggi nilai keilmuan dan ketakwaan.

Pada tahun 1957, ketika berusia 20 tahun beliau mendirikan rumah tangga bersama Siti Aishah binti Haji Ibrahim, yang berusia 14 tahun. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan enam orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Sebagai seorang isteri,–Hajah Siti Aishah turut berperanan sebagai penyokong utama kepada karya-karya suaminya, sering membaca dan memberi maklum balas terhadap buku-buku yang ditulis oleh Haji Abdullah al-Qari. Beliau digambarkan sebagai seorang isteri yang bukan sahaja setia, bahkan turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan dakwah dan misi intelektual suaminya. Penghargaan terhadap peranannya turut direkodkan dalam tulisan-tulisan dan temubual bersama Haji Abdullah sendiri (Abdullah al-Qari, 2006; Mustafa, 2009).

LATARBELAKANG PENDIDIKAN

Persekitaran tempat seseorang dibesarkan sering kali memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian dan hala tuju kehidupan individu. Dalam hal ini, Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh dibesarkan dalam persekitaran pondok yang menyanjung tinggi nilai ilmu, khususnya ilmu agama. Bapanya, Haji Salleh, yang juga merupakan murid kepada Tok Kenali, adalah seorang guru al-Quran di Pondok Kenali, manakala ibunya pula mengajar al-Quran kepada kanak-kanak di sekitar kediaman mereka. Pembelajaran al-Quran beliau bermula secara langsung daripada kedua-dua orang tuanya, dan rumah kediaman mereka yang berhampiran dengan Pondok Kenali menjadi faktor pengukuh kepada pengaruh suasana keilmuan dalam kehidupan beliau (Seminar Pencinta Buku Malaysia, 2010).

Menurut kisah peribadi yang beliau sendiri ceritakan, pada usia dua tahun, sewaktu dalam dakapan ibunya selepas menghadiri majlis khatam al-Quran, beliau tidak henti-henti menyebut perkataan “*jinna tinna*”. Setelah diteliti oleh ibunya, didapati bahawa lafaz itu sebenarnya merupakan sebahagian daripada ayat terakhir Surah al-Nas, “*minal-jinnati wannas*”, menandakan betapa awalnya daya hafalan dan kecenderungan beliau terhadap kalamullah (AQHAS, 2016). Beliau mengkhatamkan al-Quran pada usia muda dengan bimbingan bapanya, dan seawal usia sepuluh tahun sudah mula mendalami bahasa Arab, tajwid serta ilmu hadis. Nilai-nilai akhlak seperti amanah, rendah diri, sopan santun dan penghormatan terhadap para ulama turut diterapkan sejak kecil (Afifah Bt. Ahmad Najib, 2012).

Pendidikan formal beliau bermula di Sekolah Melayu Kubang Kerian (1946–1951). Minat beliau terhadap ilmu dan pembacaan terserlah

sejak darjah lima, apabila beliau aktif meminjam dan membaca buku-buku Indonesia serta pelbagai bahan bacaan lain, termasuk sains, yang terdapat di bilik bacaan sekolah. Dalam tempoh yang sama, beliau juga menuntut ilmu Islam secara tidak formal di Pondok Kenali dan Madrasah Ahmadiyyah (Afifah Bt. Ahmad Najib, 2012).

Pada tahun 1952, beliau menyambung pelajaran di Kelas Tujuh Sekolah Melayu Kota (Jelasin), iaitu antara sekolah menengah awal di Kelantan dan berjaya menamatkannya dengan Pangkat Satu. Minatnya dalam bidang penulisan mula berkembang di sini dan dikesan oleh gurunya, Cikgu Mahmud b. Abbas. Pada sebelah malam, beliau menuntut di Pondok Madrasah Al-Ahmadiyyah Bunut Payung, mempelajari tafsir al-Quran dan hadis daripada Tuan Guru Haji Abdullah Tahir, salah seorang murid Tok Kenali. Ilmu hadis pula dipelajari daripada Ustaz Haji Ab. Rahman al-Khudri, yang turut mendorong beliau ke dunia penulisan (Abdullah al-Qari, 2016; Seminar Pencinta Buku Malaysia, 2010). Beliau kemudiannya mendaftar di Sekolah Arab Jami' Merbau, Kota Bharu, namun hanya sempat belajar sehari di situ kerana telah diminta untuk mengajar oleh ibunya. Tidak mengabaikan pendidikan umum, beliau juga mempelajari bahasa Inggeris secara sambilan di Sekolah Kubang Kerian dan Sekolah Umum Padang Garong.

Pada tahun 1956, beliau memperoleh Sijil Kursus Persekolahan Melayu (T.U.O.S.), satu sijil perguruan yang melayakkan beliau menjadi guru. Beliau melanjutkan latihan sebagai guru bahasa dan sastera di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada tahun 1959. Minat beliau terhadap ilmu tidak pernah pudar, dan pada tahun 1974, beliau menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) dan seterusnya diterima masuk ke Universiti Malaya dalam jurusan Pengajian Islam, Fakulti Sastera, pada usia 40 tahun. Beliau menjadi mahasiswa sepenuh masa dan tinggal di Kolej Pertama Universiti Malaya, serta aktif menulis untuk majalah universiti (Afifah Bt. Ahmad Najib, 2012; Mazlah Yaacob et al., 2015).

Beliau menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) pada tahun 1977 dan telah dianugerahkan sebagai Mahasiswa Terbaik. Walaupun ditawarkan peluang untuk menyambung ke peringkat sarjana, beliau menolaknya kerana ingin menumpukan perhatian kepada penulisan dan perkhidmatan kepada masyarakat.

PERSONALITI KEILMUAN

Dari segi fizikal, Haji Abdullah al-Qari merupakan seorang yang bertubuh kecil, dengan ketinggian sekitar 150 sentimeter serta berbadan kurus. Namun begitu, kekuatan sebenar beliau terserlah melalui keperibadiannya

yang luhur dan akhlaknya yang tinggi. Beliau dikenali sebagai seorang yang tenang, teliti, merendah diri, dan mudah didekati. Wajahnya yang sentiasa dihiasi senyuman menjadikan beliau disenangi ramai, walaupun tetap berhati-hati dan berhemah dalam tutur bicara. Beliau juga menjalani kehidupan yang sederhana dan menjauhkan diri daripada kemewahan duniawi. Keperibadian ini sejajar dengan peranan beliau sebagai seorang pendidik, pengarang, penerbit, dan pendakwah. Komitmennya yang tinggi terhadap ilmu dan penulisan terbukti melalui penghasilan lebih daripada 320 buah buku dalam pelbagai bidang keislaman. Ketekunan dan keikhlasan beliau dalam berkarya menyebabkan beliau dihormati oleh segenap lapisan masyarakat, termasuk penduduk kampung, pelajar, dan para ilmuwan (Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi et al., 2018).

Persekitaran yang dilingkari budaya ilmu, khususnya yang menekankan pendidikan agama, turut membentuk nilai keilmuan yang mendalam dalam diri beliau. Ibu bapanya yang mementingkan pendidikan Islam telah menanamkan kecintaan terhadap ilmu sejak kecil. Rumah beliau dipenuhi dengan pelbagai koleksi buku; baik buku rujukan mahupun hasil tulisannya sendiri. Di hadapan tangga rumahnya, beliau membina sebuah perpustakaan mini yang dinamakan Perpustakaan al-Qari, manakala sebahagian koleksi bukunya turut disimpan di tingkat atas Masjid al-Qari di Taman al-Qari, Kubang Kerian. Beliau menyifatkan buku seperti ubat yang mujarab: perlu sentiasa ada di sisi walaupun belum digunakan. Kewujudan perpustakaan ini menjadi bukti nyata kesungguhan dan kecintaannya terhadap ilmu pengetahuan.

Haji Abdullah al-Qari lebih gemar meluangkan masanya dengan menelaah kitab-kitab agama dalam pelbagai disiplin. Di samping itu, beliau juga mengamalkan zikir dan sering terlibat dalam perbincangan berkaitan agama pada waktu lapang. Beliau amat menghargai masa; ini dibuktikan dengan slogan “Awat Masa Mu” yang ditampal di ruang kerjanya sebagai peringatan diri. Beliau juga sangat cermat dan teliti dalam melaksanakan setiap tugas. Setiap kerja dilakukan dengan bersungguh-sungguh, dan hanya akan dihentikan apabila beliau benar-benar berpuas hati dengan hasilnya.

Menurut Lokhman Abdullah (2004), Haji Abdullah al-Qari mempunyai sifat-sifat murni yang sangat bertepatan dengan ciri seorang ilmuwan rabbani. Beliau seorang yang ikhlas, berazam kuat, rajin, tekun, sabar, tenang, teliti, merendah diri, peramah, murah hati, dan berjiwa pengorbanan. Beliau juga menjalani kehidupan yang serba sederhana dan sentiasa menjauhi kemewahan. Setiap pagi, beliau mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran dengan penuh penghayatan, manakala pada waktu malam, beliau mendirikan solat tahajud mengikut kemampuannya. Beliau juga istiqamah dalam berpuasa sunat dan menjalani kehidupan zuhud yang

terserlah melalui cara berpakaian, tempat tinggal, serta kenderaan yang digunakan.

Selain itu, beliau dikenali sebagai seorang yang lemah lembut, mudah mesra, berjiwa mulia, dan tidak pernah membanggakan diri atas pencapaian yang diperoleh. Walaupun menghasilkan ratusan karya, beliau tetap merendah diri serta menganggap semua pencapaiannya sebagai amanah dakwah yang perlu diteruskan tanpa henti (Ahmad Zulfiqar Shah et al., 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif dengan memfokuskan kepada kaedah temu bual sebagai sumber utama pengumpulan data. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang mendalam dan kontekstual berkaitan dengan pengalaman, pandangan serta sumbangan tokoh yang dikaji. Informan utama dalam kajian ini ialah subjek kajian itu sendiri, iaitu Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh. Temu bual dijalankan secara bersemuka dalam suasana santai tetapi terkawal pada 5 Januari 2016 di kediaman beliau di Kubang Kerian, Kelantan. Sesi temu bual berlangsung selama lebih kurang dua jam dan dirakam dengan kebenaran informan menggunakan perakam suara digital. Temu bual menggunakan panduan soalan separa berstruktur yang telah dibangunkan terlebih dahulu berdasarkan objektif kajian dan kajian literatur. Soalan-soalan tertumpu kepada aspek biodata, latar belakang pendidikan, pengalaman penulisan dan penterjemahan, pendekatan dakwah melalui karya, serta cabaran yang dihadapi sepanjang penglibatan beliau dalam bidang tersebut. Data daripada temu bual ditranskrip sepenuhnya dan dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Proses analisis dilakukan secara induktif, iaitu mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan sumbangan dapat diketengahkan.

SUMBANGAN ABDULLAH AL-QARI DALAM BIDANG PENTERJEMAHAN

Bidang penterjemahan karya-karya Islam ke dalam bahasa Melayu merupakan salah satu cabang penting dalam pengembangan ilmu dan dakwah di rantau Nusantara. Dalam konteks ini, Haji Abdullah al-Qari telah memainkan peranan yang signifikan sebagai ilmuwan yang memperkukuh tradisi penterjemahan dengan pendekatan yang bersifat dakwah dan pendidikan massa. Antara sumbangan utama beliau ialah memasyarakatkan ilmu Islam, mengangkat penulisan terjemahan sebagai instrumen pendidikan dan dakwah serta memperkasakan amalan penterjemahan yang baik.

Memasyarakatkan ilmu Islam di Malaysia melalui karya-karya terjemahan

Penterjemahan karya-karya keagamaan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu merupakan salah satu saluran utama dalam usaha penyebaran ilmu Islam di Malaysia. Aktiviti ini berperanan besar dalam menjadikan kandungan ajaran Islam lebih mudah difahami dan dihayati oleh masyarakat pelbagai lapisan, khususnya mereka yang tidak menguasai bahasa Arab. Meskipun bidang ini tidak mendapat penglibatan yang meluas dalam kalangan ilmuwan, terdapat tokoh-tokoh tertentu yang menonjol dalam usaha menterjemahkan teks-teks Islam klasik dan kontemporari ke dalam bahasa tempatan. Salah seorang tokoh yang dikenalpasti aktif dan prolific dalam bidang ini ialah Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh (AQHAS) (Azalina Ab. Halim @ Noh, 2020).

Berdasarkan Invois Pesanan Buku Pustaka ASA (lihat LAMPIRAN), disenaraikan 55 (daripada 157 buah) tajuk buku yang telah diterjemahkan oleh beliau iaitu:

1. Mengenal Syurga
2. Contoh Sembahyang Nabi S.A.W
3. Bagaimana Nabi Berhaji
4. Ilmu Memahami al-Quran
5. Filsafah Pendidikan Dalam al-Quran
6. Berita Sejarah Penciptaan Manusia Pertama
7. Kepentingan Keselamatan Dalam Islam
8. Arah dan Tujuan Hidup Di Dunia Menurut al-Quran
9. Tatasusila Islam
10. Pahala Kegiatan Ibadah
11. Politik Pentadbiran Negara Islam Zaman Nabi
12. Manusia Kekasih Allah dan Manusia Musuh Allah
13. Jaminan Sosial Berdasarkan Undang-Undang Allah
14. Ulasan Kufurnya Orang Meninggalkan Sembahyang
15. Kesesatan Bid'ah
16. Kursus Bimbingan Ramadhan
17. Revolusi Mental Ahli Ibadah
18. Suka Duka di Alam Barzakh
19. Pendedahan Amalan Anda
20. Ciri-Ciri Mu'min, Kaafir dan Munafiq Menurut Al-Quran oleh Ahmad Muhammad Faris Muhammad Surur.
21. Dasar-Dasar Kepercayaan Islam
22. Pengajaran Dari Langit

23. Martabat Hati
24. Barisan Jin `Ifrit dan Gangguan Menurut al-Quran oleh al-Husaini, Sa`id Hawwa dan al-Ghazali
25. Semangat Mempertahankan Agama Allah
26. Asas-Asas Sembahyang Nabi
27. 32 Terokaan Rahsia Rohani Dalam al-Quran oleh Abu al-Hassan al-Syadzilliy
28. Rahsia Ibadat Hati
29. Bagaimana dan Mengapa Kita Menghafal Al-Quran
30. Hukum Menghidupkan Malam Nisfu Sya`ban
31. Contoh Puasa Nabi SAW
32. Panggilan Jihad Menurut Al-Quran oleh Muhammad `Izzah Darwazah
33. Menyingkap Kekeliruan Kufur-Murtad
34. Keseronokan Ruh Menemui Allah
35. Mencari Malam Al-Qadr
36. Hak dan Kebebasan Wanita Dalam Islam
37. Sejarah Malaikat
38. Bagaimana Pelajar Islam Harus Dibimbing
39. Sejarah Alam Ghaib
40. Sejarah Jin dan Syaitan
41. Contoh Wudhu' Nabi
42. `Aqidah Dinamik
43. Kebangkitan Wanita Islam
44. Ketunggalan Allah SWT
45. 30 Rumusan `Aqidah
46. Petunjuk Rasulullah Dalam Berhariraya
47. Ciri-Ciri Hamba Allah Dalam Quran oleh Muhammad `Alamuddin
48. Pembalasan dan Pahala Dalam Al-Quran
49. Metodologi Meneroka Ilmu Menurut Al-Quran oleh Dr. `Imaduddin Khalil
50. Salah Faham Tentang Nur Muhammadi
51. Nabi Khidhr Masih Hidup
52. Sembahyang Fardhu dan Sunat Dengan Pendekatan Sunnah
53. Punca-Punca Gerakan Atheis
54. Bolehkah Meniru dan Menyerupai Orang-Orang Kafir
55. Hukum Berhijab dan Tarbiyyahnya Menurut Al-Quran

Namun menurut Haji Abdullah al-Qari, sehingga 2016 (sebelum beliau meninggal kerana kemalangan jalanraya), beliau telah menterjemahkan sebanyak 157 buah karya yang dapat diklasifikasikan kepada sembilan bidang utama dan melibatkan karya asal 36 orang ilmuwan.

Jadual 1: Bilangan Buku yang Diterjemahkan

Bil	Bidang	Bilangan
1	Akidah	37 buah
2	Ibadah	31 buah
3	Kajian Al-Quran	19 buah
4	Akhlak	18 buah
5	Sejarah	16 buah
6	Tasawuf	14 buah
7	Hadis	8 buah
8	Persoalan Wanita	7 buah
9	Tafsir al-Quran	5 buah
	JUMLAH	157 buah

Sumber: Abdullah al-Qari, 2016

Jadual 2: Pengarang Asal Buku-Buku yang Diterjemahkan

Bil	Pengarang Asal
1	Imam al-Ghazali
2	Sheikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi
3	Sheikh Muhammad Nasiruddin al-Albani
4	Prof. Dr. Muhammad `Atiyyah al-Abrasyi
5	Imam Ibn Kathir
6	Imam Jalaluddin al-Suyuti
7	Ibn Qayyim al-Jawziyyah
8	Muhammad `Izzah Darwizah
9	Ibn Hazm
10	Imam al-Dzahabi
11	Dr Ali Abdul Halim Mahmud
12	Hassan al-Banna
13	`Ali Hassan `Ali `Abdul Hamid
14	Abu Hassan Al-Nadwi
15	Imam al-Nawawi
16	Abu `Ubaid al-Qasim b. Salam
17	`Abdul Aziz b. `Abdullah b. Baz
18	Shaikh Husnayn Muhammad Makhluuf
19	Imam al-Turmuzi
20	Al-Hafiz Dhiya`Uddin al-Maqdisi
21	Al-Hafiz Waliyuddin al-Iraqi
22	Al-`Allamah Ibn Rajab
23	Dr. Bakr b. Abdullah Abu Zaid
24	Dr. Sulaiman al-Asyqar

25	Dr. Muhammad Rabi Hadi al-Madkhali
26	Prof. Dr. Rauf Syalabi
27	Muhammad Soleh al-Uthaimin
28	Abu al-Hassan al-Syazili
29	Syekh Abdul Qadir al-Jilani
30	Ibn `Ataillah
31	Al-`Allamah al-Harith al-Muhasibi
32	Ibn Qudamah al-Maqdisi
33	Imam al-Baihaqi
34	Syeikh Muhammad al-Sayim
35	Imam Mahmud b. Abdul Wahab
36	Dr. Sa`id b. Ali al-Qahtani

Sumber: Abdullah al-Qari, 2016

Karya terjemahan pertama Haji Abdullah al-Qari yang bertajuk *Rahsia 99 Nama Allah* telah diterbitkan pada tahun 1976, meskipun manuskripnya telah disiapkan seawal tahun 1971. Tempoh lima tahun yang diambil sebelum karya tersebut diterbitkan mencerminkan sikap beliau yang amat teliti dan berhati-hati, khususnya dalam memastikan ketepatan terjemahan dan pemahaman isi kandungan. Beliau menyedari bahawa dirinya bukanlah berlatarbelakangkan pendidikan formal dalam bidang bahasa Arab secara menyeluruh, justeru beliau mengambil inisiatif untuk menyemak fakta dan istilah secara menyeluruh daripada pelbagai sumber sebelum memuktamadkan terjemahannya. Tambahan pula, topik berkaitan nama-nama dan sifat-sifat Allah merupakan perkara yang amat sensitif dan memerlukan ketepatan maksud serta kefahaman akidah yang mendalam. Justeru, beliau meletakkan tanggungjawab tinggi dalam memastikan terjemahan tersebut tidak menimbulkan kekeliruan atau kesalahan takwil (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016).

Sikap prihatin beliau terhadap dunia penerbitan ilmu turut terserlah dalam usaha mengenal pasti kelompangan ilmu dalam pasaran buku tempatan. Setiap kali beliau mendapati sesuatu bidang ilmu Islam masih belum diterokai secara meluas dalam bentuk penulisan, khususnya dalam bahasa Melayu, beliau akan berusaha untuk mengisi kekosongan tersebut, sama ada melalui penulisan asli atau terjemahan. Sebagai contoh, beliau telah menterjemahkan buku *Sejarah Jin dan Syaitan* kerana pada waktu itu belum terdapat bahan berbahasa Melayu yang mengupas pandangan al-Quran dan al-Sunnah secara tuntas berkenaan dengan kewujudan jin serta peranan syaitan dalam kehidupan manusia (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016). Usaha ini menggambarkan kepekaan beliau bukan sahaja terhadap keperluan pendidikan umat, tetapi juga terhadap pembangunan

pasaran buku keagamaan yang berkualiti dan berpaksikan sumber yang sahih. Keprihatinan dan kesungguhan ini menjadikan beliau tokoh penterjemah yang bukan sekadar mengalih bahasa, bahkan turut merancang dan mengisi jurang ilmu dalam masyarakat Islam di Malaysia.

Mengangkat penulisan terjemahan sebagai instrumen pendidikan dan dakwah.

Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh merupakan antara tokoh penting yang berjaya mengangkat penulisan terjemahan sebagai instrumen pendidikan dan dakwah Islam yang berkesan di Malaysia. Melalui pendekatan yang menekankan kejelasan bahasa, penyampaian yang tersusun, serta gaya penulisan yang bersifat mendidik, beliau telah menghasilkan karya-karya terjemahan yang mudah diakses dan difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat. Karya-karya ini bukan sekadar menterjemahkan makna literal daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, tetapi turut disertakan dengan penjelasan, huraian, nasihat serta contoh-contoh praktikal yang bersesuaian dengan konteks budaya dan sosial masyarakat tempatan (Azalina Ab. Halim @ Noh, 2020; Mustafa Abdullah, 2009).

Usaha beliau dalam menterjemah kandungan ilmu Islam dapat dikategorikan sebagai bentuk dakwah *bil-qalam* yang amat efektif, terutama dalam menyampaikan asas-asas kefahaman Islam kepada golongan masyarakat yang tidak memiliki latar pendidikan agama formal. Menurut Lokhman Abdullah (2004), pendekatan penulisan Haji Abdullah al-Qari sangat sesuai dengan keperluan dakwah semasa kerana beliau mengutamakan gaya bahasa yang mesra pembaca dan berorientasikan kehidupan sebenar. Melalui usaha ini juga, beliau telah menyumbang kepada proses pemasyarakatan ilmu Islam di Malaysia dengan menjadikan ajaran agama lebih mudah difahami dan diamalkan oleh masyarakat umum. Ungkapan yang sering beliau sebut dan menjadi prinsip dalam aktiviti ilmunya ialah “Di sebalik aktiviti penterjemahan, terdapat dakwah.” (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016)

Penulisan dan terjemahan yang dihasilkan oleh beliau bukan sekadar usaha penyebaran ilmu, tetapi juga merupakan satu bentuk nasihat dan pembetulan terhadap kefahaman masyarakat. Beliau banyak menterjemahkan buku-buku berbentuk keagamaan yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Namun demikian, karya terjemahannya tidak terhad kepada bidang agama sahaja. Misalnya, beliau turut menterjemahkan buku Atasi Sakit dengan Urut dan Jampi Sendiri, sebuah karya asal dalam bahasa Perancis yang telah diterjemahkan ke bahasa Arab oleh al-Adiib Khalil al-Badwi, dan kemudiannya ke bahasa Melayu oleh beliau. Buku tersebut mengetengahkan kaedah perubatan tradisional berasaskan ayat-ayat al-

Quran dan doa, yang pada masa itu belum banyak dikupas dalam pasaran buku tempatan (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016).

Bagi beliau, penterjemah bukan sekadar pengalih bahasa, tetapi merupakan agen pemindah ilmu dan budaya. Menurut Abdullah al-Qari, “masyarakat tidak akan mengetahui sesuatu ilmu jika ia tidak diterjemahkan” (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016). Oleh itu, peranan penterjemah dianggap besar dalam membentuk kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap ilmu, seterusnya menyumbang kepada pembangunan intelektual ummah (Mazlah Yaacob et al., 2015).

Lebih mendalam, dorongan terhadap usaha dakwah melalui penulisan dan terjemahan juga berpunca daripada pengalaman rohani beliau. Dalam satu temu bual, beliau menceritakan pernah bermimpi bertemu Rasulullah SAW yang menasihatinya agar mendalami ilmu agama dengan lebih bersungguh-sungguh. Dalam mimpi yang lain, beliau melihat dirinya menaiki basikal menuju ke Kedai Kitab Muhammad bin Abdullah—kedai buku Islam terbesar di Kota Bharu yang berperanan penting dalam penyebaran bahan bacaan keagamaan. Mimpi-mimpi ini menjadi pemangkin kepada semangat beliau untuk terus menyumbang dalam bidang penulisan dan penterjemahan sebagai wasilah dakwah (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016).

Dorongan utama beliau dalam berkarya juga dipandu oleh kefahaman yang mendalam terhadap ayat ke 11 surah al-Saff yang menekankan keutamaan berjihad dengan harta dan jiwa di jalan Allah. Penulisan (termasuklah usaha penterjemahan) bagi beliau merupakan satu bentuk jihad intelektual yang harus dilaksanakan secara istiqamah. Hal ini diperkuatkan dengan kenyataan beliau ketika ditemubual: “Saya hanya ingin berehat apabila berada di alam kubur nanti” (Mazlah Yaacob et al., 2015). Ungkapan tersebut memperlihatkan bukan saja iltizam peribadi beliau terhadap usaha dakwah melalui pena tetapi juga menggambarkan kesedaran mendalam beliau terhadap tanggungjawab seorang ilmuwan dalam menyampaikan risalah Islam secara berterusan. Oleh itu, penulisan bukan sekadar wadah penghasilan ilmu tetapi bagi Haji Abdullah, ia berperanan sebagai mekanisme dakwah massa yang berterusan dan berimpak besar terhadap masyarakat. Sememangnya minat dan dedikasi beliau dalam bidang penulisan dan penterjemahan adalah luar biasa. Sejak tahun 1952 hingga ke akhir hayatnya, beliau konsisten menghasilkan pelbagai manuskrip dan karya ilmiah.

Memperkasakan amalan terjemahan yang baik

Menurut Haji Abdullah al-Qari (2006), seorang penterjemah perlu memiliki kepakaran dalam bidang yang diterjemahkan, terutamanya dalam bidang

agama, serta menguasai kedua-dua bahasa yang terlibat, iaitu bahasa sumber (seperti bahasa Arab) dan bahasa sasaran (iaitu bahasa Melayu). Keupayaan ini penting bagi memastikan mesej dan maksud asal tidak diseleweng atau disalah tafsir dalam proses penterjemahan. Haji Abdullah al-Qari sendiri menerima pendidikan formal dalam bahasa Melayu apabila beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Pengajian Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur sekitar tahun 1959. Maktab tersebut merupakan institusi pengajian khas yang memberi penekanan terhadap kajian bahasa dan sastera, serta melatih pelajar untuk menjadi guru bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Arab pula diperoleh bukan melalui pendidikan formal, tetapi hasil usaha gigih beliau secara autodidak. Malah, beliau termasuk dalam kalangan tiga tokoh ilmuwan di Kelantan yang berjaya menguasai bahasa Arab tanpa pendidikan formal, bersama Allahyarham Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan (UIAM) dan Allahyarham Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady (Abdullah al-Qari, temu bual, 5 Januari 2016).

Sifat kesungguhan dan daya juang beliau sewajarnya menjadi teladan kepada generasi muda masa kini. Seperti pepatah Melayu menyebut, “hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih” dan “alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan.” Minat beliau terhadap bahasa Arab bermula sejak usia sembilan hingga sepuluh tahun, apabila beliau belajar di Pondok Lorong Kubur Tok Kenali pada waktu petang, manakala pada waktu pagi beliau mengikuti persekolahan rendah kebangsaan. Beliau juga merupakan antara pelajar pondok termuda pada ketika itu (AQHAS, temu bual, 5 Januari 2016). Pada usia 15 tahun, beliau meneruskan pengajian di Pondok Bunut Payong di bawah bimbingan Tuan Guru Ustaz Haji Ab. Rahman al-Khudri, yang kemudiannya menggalakkan beliau menceburi bidang penulisan setelah mengenal pasti bakat dan kegigihannya dalam ilmu.

Meskipun belum menguasai bahasa Arab sepenuhnya pada peringkat awal, Haji Abdullah al-Qari berani membeli dan membaca sendiri buku-buku berbahasa Arab bagi memperkukuh kecekapan bahasanya. Antara buku terawal yang dibeli ialah Riyadh al-Salihin, Fath al-Rahman, dan al-Azkar karya Imam al-Nawawi. Selain itu, beliau menggunakan kamus sebagai alat bantu utama, khususnya Kamus al-Marbawi, dan turut menelaah buku-buku terjemahan dari Indonesia.

Kesungguhan beliau dalam bidang penterjemahan ternyata tidak berpaksikan kelayakan akademik tinggi, tetapi lahir daripada rasa tanggungjawab dan niat ikhlas kerana Allah SWT. Walaupun tidak pernah mengikuti kursus penterjemahan secara formal, beliau berjaya menterjemahkan ratusan karya ilmiah tokoh-tokoh Islam ternama seperti al-Albani, Ibn Baz, Yusuf al-Qaradhwawi, Sayyid Sabiq, dan Hasan al-Banna. Bagi beliau, penterjemahan adalah satu wasilah dakwah dan pemindahan

ilmu ke dalam masyarakat, tanpa mengira latar mazhab atau aliran selagi kandungannya sahih dan bermanfaat.

Menurut beliau, untuk memulakan kerja terjemahan, seseorang itu tidak semestinya memiliki ijazah tinggi. Apa yang lebih penting ialah penguasaan kukuh terhadap asas-asas bahasa yang diterjemah, termasuk ilmu nahu, saraf, balaghah dan kesusasteraannya (Abdullah al-Qari, 2006). Pandangan ini turut disokong oleh Ahmad Zulfiqar Shah et al. (2018) yang menegaskan bahawa keupayaan Abdullah al-Qari menghasilkan karya-karya terjemahan berkualiti menunjukkan tahap penguasaannya yang tinggi terhadap struktur bahasa Arab klasik, khususnya dalam aspek nahu, saraf dan balaghah.

KESIMPULAN

Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh merupakan sosok ilmuwan yang telah meletakkan asas yang kukuh dalam bidang penterjemahan Islam di Malaysia. Sumbangan beliau melangkaui sekadar pengalihan bahasa, bahkan mencerminkan usaha dakwah, pendidikan, dan pemindahan ilmu yang bersifat strategik dan berjangka panjang. Karya-karya terjemahan beliau telah berjaya membuka ruang pemahaman agama kepada masyarakat umum, khususnya golongan yang tidak berpeluang mendalami bahasa Arab secara formal. Komitmen tinggi beliau dalam memastikan ketepatan makna, kejelasan gaya bahasa, serta kesesuaian konteks menjadikan terjemahan beliau bukan sahaja sahih tetapi juga dekat dengan kehidupan masyarakat. Beliau berjaya mengangkat penterjemahan sebagai instrumen dakwah dan pendidikan yang efektif, serta membuktikan bahawa keikhlasan, kesungguhan, dan penguasaan asas bahasa boleh melahirkan hasil kerja yang bernilai tinggi meskipun tanpa ijazah formal dalam bidang tersebut. Kisah hidup dan karya Haji Abdullah al-Qari memperlihatkan bahawa penterjemahan bukan kerja sambilan, tetapi suatu misi keilmuan dan dakwah yang menuntut ketekunan, disiplin, dan rasa amanah terhadap ilmu. Sumbangan beliau wajar dihargai dan diteladani, bukan sahaja sebagai warisan keilmuan tetapi juga sebagai model peribadi ilmuwan rabbani yang memperjuangkan ilmu melalui pena. Oleh itu, usaha beliau seharusnya didokumentasikan secara sistematik dan dijadikan sumber inspirasi bagi memperkasa bidang penterjemahan Islam di Malaysia pada masa hadapan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan penghargaan kepada Allahyarham AQHAS yang sudi ditemubual bagi menyempurnakan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Juriah Mohd Amin bertanggungjawab merangka idea asal kajian, reka bentuk metodologi dan penulisan draf awal artikel. Beliau menjalankan pengumpulan data dan membuat analisis kesahan data termasuk suntingan kandungan dan penyeliaan keseluruhan penulisan artikel.

RUJUKAN

- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh 2006. *Atasi sakit dengan urut & jampi sendiri*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh 2006. *Bagaimana menulis & menterjemah buku-buku keislaman bermutu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh 2016. *Pujangga Islam Abdullah al-Qari tokoh alihbahasawan Nusantara*. Artikel yang belum diterbitkan.
- Afifah Ahmad Najib 2012. *Haji Abdullah al-Qari: Sumbangan beliau dalam bidang penulisan*. Latihan Ilmiah Darul Quran JAKIM.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Mohd Abdul Nasir Abdul Latif & Muhammad Hasbi Abdul Rahman 2018. Ketokohan Tn. Hj. Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh (AQHAS) sebagai tokoh mufassir tematik di Malaysia. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5(3): 13–24. <https://doi.org/10.11113/umran2018.5n3.245>
- Azalina Ab. Halim @ Noh 2020. *Sumbangan dakwah Abdullah al-Qari melalui penterjemahan*. Tesis Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Biodata Ustaz Abdullah al-Qari. https://kupdf.net/download/biodata-ustaz-abdullah-al-qari_596656e4dc0d603767a88e79_pdf
- Hassan Ibrahim Hassan 1987. *Sejarah Islam (menyentuh bidang politik, agama, kebudayaan dan kemasyarakatan), Siri Ketiga*. Terjemahan oleh Ismail Mohd Hassan. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Lokhman Abdullah 2004. *Abdullah al-Qari Haji Salleh sebagai pengarang dan penterjemah yang paling produktif di Malaysia*. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.

- Mazlah Yaacob, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Juriah Mohd Amin, Paiz Hassan & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin 2015. Ketokohan Ustaz Abdullah al-Qari Haji Salleh (AQHAS) dan sumbangannya dalam bidang penulisan. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara VI*. Disunting oleh Ezad Azraai Jamsari, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Suhaila Zailani @ Ahmad, Ermi Azziaty Rozali & Farid Mat Zain, 9–10 Jun. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM, Lembaga Masjid Negeri Sembilan, KUKAPI & AKRAB.
- Muhammad Adam Abd. Azid, Abdul Azib Hussain, Khairulnazrin Nasir & Rahim Kamarul Zaman 2022. Ketokohan Haji Abdullah al-Qari Haji Salleh (AQHAS) dalam bidang ulum al-Quran. *Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa al-Quran dan Hadis 2022: Apresiasi Ketokohan Ulama Tafsir dan Hadis Sepanjang Zaman*, 49–57. Selangor: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad Naasiruddin al-Albani 1986. *Contoh sembahyang Nabi SAW*. Kelantan: Pustaka ASA.
- Mustaffa Abdullah 2011. *Khazanah tafsir di Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Nasibah Ahmad Najib & Wan Nasyrudin Wan Abdullah 2017. Sumbangan Haji Abdullah al-Qari dalam memartabatkan dakwah al-Sunnah al-Nabawiyyah dan penulisan di Nusantara: Kajian terhadap karya-karya al-Sunnah.
- Raihan Zakaria 2008. *Abdullah al-Qari dan sumbangannya dalam pengajian al-Quran*. Latihan Ilmiah Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ratna Roshida Ab. Razak & Aiza Maslan @ Baharudin 2009. Ketinggian bidang terjemahan satu manifestasi bangsa berilmu: Pengajaran dari tamadun awal Islam. Dalam Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (peny.). *Kelestarian bidang penterjemahan*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Seminar Pencinta Buku Malaysia 2010. http://www.scribd.com?doc/37917220/Biodata_Ustaz_Abdullah_Al-Qari#scribd
- Suhaila Zailani @ Ahmad & Nurul Wardah Nazifah Razali 2015. Kegiatan terjemahan ulama Melayu Nusantara abad ke-16–19 Masihi menurut perspektif sarjana Melayu semasa. *International Journal of West Asian Studies* 7(1): 12–23.
- Syarul Azman Shahrudin & Mus'ab Hilaluddin 2022. Sumbangan Abdullah al-Qari Haji Salleh dalam bidang dakwah. Dalam Safinah

Ismail, Nur Uswah Ahmad Fauzi, Noor Hafizah Mohd Haridi & Ahmad 'Atoa Mokhtar (peny.). *Isu-isu kontemporari dalam pengajian Dakwah dan Usuluddin (Siri 3)*. Selangor: Penerbit FPPI Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

SENARAI PENGARANG

Juriah Mohd Amin (Penulis Penghubung)
Pensyarah
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA
Kampus Seri Iskandar,
Seri Iskandar, 32610
Perak Darul Ridzuan
E-mel: juriahma68@gmail.com